

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
26 NOVEMBER 2021**

**PERKARA : 4(A)46**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM  
YB. SATEES A/L MUNIANDY**

46. Pulau Pinang terus menjadi pelabur asing kerana ketersediaan modal asing berkemahiran dan kemudahan berkaitannya.
- (a) Ramai rakyat negeri Kedah turut memilih untuk bekerja dalam sektor swasta di Pulau Pinang, sila berikan anggaran rakyat negeri Kedah yang bekerja di Pulau Pinang, khususnya sektor swasta.

**YB. PROF. DR. P. RAMASAMY A/L PALANISAMY  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

46. Maklumat mengenai bilangan rakyat Negeri Kedah yang bekerja di Negeri Pulau Pinang tidak dapat diperoleh dan hanya bilangan rakyat yang berhijrah ke Pulau Pinang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Dari tahun 2014 hingga 2020, purata rakyat yang berhijrah dari Kedah ke Pulau Pinang setahun adalah seramai 3,500 orang. Ini menyumbang hampir 10 peratus daripada jumlah migrasi masuk ke Pulau Pinang.

Daripada jumlah ini, bilangan yang melibatkan diri dalam tenaga buruh adalah dianggarkan seramai 2,000 orang setahun.

Namun, bilangan sebenar dianggarkan adalah lebih tinggi kerana ramai penduduk Kedah bekerja di Pulau Pinang tetapi tidak menetap di Pulau Pinang dan berulang-alik setiap hari.

Mengikut analisis *Penang Institute*, migran dari Kedah ke Pulau Pinang menunjukkan penurunan dari tahun 2014 hingga 2018.


Namun begitu, jumlah migran yang berhijrah dari negeri-negeri utara Semenanjung Malaysia iaitu dari Kedah, Perak dan Perlis adalah agak stabil iaitu lebih kurang 7,550 orang migran setahun. Tenaga buruh daripada jumlah ini adalah dianggarkan seramai 4,300 orang setahun bagi tahun 2014 sehingga 2018.

Namun pada tahun 2020, bilangan migran telah menurun sebanyak 35 peratus iaitu daripada 6,500 orang pada tahun 2018 ke 4,200 orang pada tahun 2020. Penurunan ini besar kemungkinan disebabkan oleh pandemik COVID-19. Justeru, dianggarkan hanya 2,500 orang tenaga buruh migran sahaja bagi tahun 2020.

Anggaran bilangan migran dari Negeri Kedah ke Negeri Pulau Pinang yang terlibat dalam tenaga buruh serta anggaran bilangan migran dari negeri-negeri utara Semenanjung Malaysia (Kedah, Perlis, Perak) ke Pulau Pinang yang melibatkan diri

dalam tenaga buruh akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas sesi Soalan Lisan.

**Anggaran Bilangan Migran Dari Negeri Kedah Ke Negeri Pulau Pinang Yang Terlibat Dalam Tenaga Buruh**




Nota: Pengiraan anggaran bilangan migran yang melibatkan diri dalam tenaga buruh dibuat dengan menggunakan peratusan penduduk yang berada dalam umur bekerja (umur 15-64) dan seterusnya, peratusan penduduk yang terlibat dalam tenaga kerja bagi seluruh Malaysia.

Sumber: Laporan Survei Migrasi 2015-2020, Jabatan Perangkaan Malaysia.

Lampiran 2

**Anggaran Bilangan Migran Dari Negeri-Negeri Utara Semenanjung Malaysia (Kedah, Perlis, Perak) Ke Pulau Pinang Yang Melibatkan Diri Dalam Tenaga Buruh**



Sumber: Laporan Survei Migrasi 2015-2020, Jabatan Perangkaan Malaysia.